
STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN - KEDUDUKAN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023

1.1. Jabatan Audit Negara komited membantu kementerian/jabatan/agensi/syarikat Kerajaan dengan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sistem Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara [*Auditor General's Dashboard* (AGD)] di <http://agddashboard.audit.gov.my> telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini terhadap isu yang dilaporkan. Kaedah ini berjaya membantu syarikat Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan maklumat dengan cepat dan pantas mengenai tindakan yang sedang/telah diambil dengan mengemas kini maklum balas secara dalam talian. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu LKAN serta tindakan yang diambil untuk makluman semua pemegang taruh yang berkaitan dan pihak awam secara keseluruhannya.

1.2. Sejak tahun 2012, status tindakan bagi isu LKAN dipaparkan melalui sistem AGD. Paparan secara dalam talian ini menjadi pencetus bagi mempercepatkan penyelesaian isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN mengenai syarikat Kerajaan Persekutuan. Ia sekaligus dapat memperbaiki prestasi tadbir urus penyampaian sektor awam secara keseluruhannya.

1.3. Portal AGD juga boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui **status tindakan bagi isu LKAN secara masa nyata (real time)**. Setiap isu dikategorikan mengikut tiga warna ikon lampu isyarat lalu lintas (traffic light icons) iaitu **Merah (tiada maklum balas atau maklum balas tidak menjawab isu yang dibangkitkan), Kuning (dalam tindakan) dan Hijau (tindakan telah selesai diambil)**. Maklumat mengenai status tindakan terhadap isu yang dipaparkan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada syarikat Kerajaan Persekutuan untuk mengelakkan kelemahan yang sama berulang.

1.4. Susulan Audit secara dalam talian melalui sistem AGD tersebut membantu bagi memastikan isu Audit serta syor berkaitan dengan isu yang dilaporkan disusul dan tindakan penambahbaikan telah diambil oleh syarikat Kerajaan Persekutuan. Susulan yang dilaksanakan adalah berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Perenggan 42, International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 300 menyatakan "Auditors should follow up previous audit findings and recommendations

wherever appropriate. Follow-up should be reported appropriately in order to provide feedback to the legislature together, if possible, with the conclusions and impacts of all relevant corrective actions.”

1.5. Tindakan susulan melalui sistem AGD dan diikuti dengan pelaporan mengenai status susulan tersebut dalam LKAN adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 9(8), Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Status tindakan bagi isu mengenai **syarikat Kerajaan Persekutuan** telah dilaporkan mulai LKAN 2021 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 3 Ogos 2022. Pelaporan meliputi liputan susulan Audit dan status isu masih dalam tindakan mengenai syarikat Kerajaan Persekutuan di bawah kementerian pengawal yang berkenaan.

1.6. Sehingga 30 September 2023, susulan Audit telah dilaksanakan terhadap 134 syarikat Kerajaan Persekutuan di bawah kementerian pengawal yang berkenaan. Liputan susulan terhadap isu Audit syarikat Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan mengikut kementerian pengawal dalam LKAN Tahun 2011 hingga 2021 Siri 2 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
LIPUTAN SUSULAN AUDIT TERHADAP SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PENGAWAL

BIL.	KEMENTERIAN	SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN (Bilangan Diaudit)	SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul)
1.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	17	155
2.	Kementerian Kewangan (MOF)	40	257
3.	Kementerian Ekonomi (Ekonomi)	1	7
4.	Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)	1	16
5.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	9	91
6.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)	24	198
7.	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)	2	26
8.	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)	1	1
9.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	1	14
10.	Kementerian Kerja Raya (KKR)	2	26
11.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	9	59
12.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)	5	65
13.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	2	20
14.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	2	28
15.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	3	27
16.	Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD)	2	9


BIL.	KEMENTERIAN	SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN (Bilangan Diaudit)	SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul)
17.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	2	13
18.	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	11	127
JUMLAH		134	1,139

Sumber: Data dijana daripada Sistem AGD pada 30 September 2023

1.7. Liputan susulan Audit terhadap isu yang dilaporkan dalam LKAN syarikat Kerajaan Persekutuan secara relatifnya tertinggi di peringkat Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Perkara ini berikutan syarikat berkaitan dengan kerajaan mengikut bilangan adalah tertinggi di bawah kawal selia kementerian/jabatan yang berkenaan.


1.8. Setakat 30 September 2023, terdapat 1,139 isu telah dibangkitkan dalam LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2011 hingga Tahun 2021 Siri 2. Sebanyak 1,112 isu (97.6%) daripada keseluruhan isu tersebut telah selesai manakala 27 isu (2.4%) masih dalam tindakan. Isu yang masih dalam tindakan adalah melibatkan LKAN Tahun 2016 hingga 2021 dan bilangan isu tertinggi adalah bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2 iaitu sebanyak 13 isu. Selain itu, satu isu dalam tindakan bagi LKAN Tahun 2016 yang dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017 adalah melibatkan Kementerian Pendidikan Tinggi. Ringkasan adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.

CARTA 1
STATUS TINDAKAN ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2011 HINGGA 2021 SIRI 2 SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023



Sumber: Data dijana daripada Sistem AGD pada 30 September 2023


CARTA 2
STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU YANG DIBANGKITKAN
MENGIKUT KEMENTERIAN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023



Sumber: Data dijana daripada Sistem AGD pada 30 September 2023

Nota: Statistik yang dipaparkan adalah berdasarkan syarikat Kerajaan Persekutuan di bawah kementerian pengawal berkenaan pada tahun diaudit

1.9. Butiran terperinci dan kedudukan terkini isu yang berstatus dalam tindakan boleh diakses melalui sistem AGD. Imbasan *QR Code* berikutnya akan memaparkan kedudukan terkini status isu secara 'real time'.



Nota: Maklumat yang dipaparkan semasa imbasan melalui *QR Code* adalah yang terkini.

1.10. Syarikat Kerajaan Persekutuan di bawah pegawai pengawal yang berkenaan adalah disyorkan untuk terus komited dalam melaksanakan tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Jabatan Audit Negara berperanan untuk menyusul isu yang belum selesai sehingga tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang bersesuaian diambil. Status bagi tindakan tersebut dipaparkan melalui portal AGD.